

07/08/2001

Tanah lembap semakin kurang

Nor Afzan Mohamad Yusof

RAMAI bersetuju dengan definisi diberikan menerusi Konvensyen Ramsar iaitu konvensyen untuk kawasan tanah lembap yang berkepentingan antarabangsa.

Mengikut definisi konvensyen itu, tanah lembap adalah kawasan rawang, paya, tanah gambut yang ada air, sama ada secara semula jadi atau buatan, tetap atau sementara dengan air yang statik atau mengalir terdiri daripada air tawar, payau atau masin, termasuk kawasan air laut yang mana kedalamannya tidak melebihi enam meter ketika air surut.

Ini bererti ia turut merangkumi dataran terumbu dan dasar rumpai laut di kawasan tepi pantai iaitu dataran lumpur, paya bakau, estuari (kawasan pertemuan air tawar dan air masin), sungai, paya air tawar, hutan paya dan tasik, termasuk paya dan tasik air masin.

Khususnya, tanah lembap dilihat sebagai 'ekotone' iaitu kawasan perantaraan antara persekitaran tanah atau dataran dan akuatik, yang mana air yang bertakung dalam tanah menghasilkan satu ciri tumbuhan tertentu.

Bagi mendapatkan jumlah terkini wetland negara, Pengarah Pusat Remote Sensing Negara (Macres), Nik Nasruddin Mahmood yang ditemui berkata, menerusi maklumat satelit, di negara kita dianggarkan 641,000 wetland ; 110,000 hektar di Semenanjung, 166,000 hektar di Sarawak dan 365,000 hektar di Sabah.

"Bagaimanapun wetland ini terlalu luas," katanya.

Sementara itu menurut Laporan Asian Wetland Bureau, ada 1,076,670 hektar tanah lembap di Semenanjung Malaysia pada 1966 tetapi sehingga 1974 ia berkurangan kepada 977,044 hektar.

Keseluruhan tanah lembap di Semenanjung terdiri dari hutan paya gambut, yang pada asalnya meliputi anggaran keluasan hampir satu juta hektar, dan sehingga 1982, ada 559,862 hektar hutan paya gambut di Semenanjung Malaysia.

Hutan bakau yang didapati di sepanjang kawasan pinggir pantai, meliputi kawasan anggaran 115,032 hektar. Paya alluvium air tawar meliputi keluasan yang lebih kecil berbanding paya gambut.

Menurut laporan itu juga, Semenanjung Malaysia tiada tasik semula jadi. Tasik Bera dan Tasik Cini yang sebenarnya adalah paya alluvium dengan kawasan air terdedah. Tanah lembap buatan manusia terdiri daripada tanah bekas lombong dan takungan air di empangan seperti di Kenyir dan Temenggor.

Penurunan jumlah wetland, membuktikan kawasan itu semakin mengecil dan membimbangkan. Mungkin sepuluh tahun dari sekarang sumber bekalan makanan dan minuman hidupan di sini terancam.

Bagaimanapun Timbalan Pengarah Bahagian Perancangan Bandar, Perbadanan Putrajaya, Shahoran Johan Ariffin berkata, walaupun pembangunan adalah antara punca utama kemusnahan kawasan wetland, ia masih boleh diseimbangkan dengan pengurusan alam sekitar yang terancang.

"Pertanian dan pembangunan adalah dua unsur pengecilan kawasan wetland. Bagaimanapun ia tidak bererti kita menolak pembangunan semata-mata. Contohnya di negara ini, pembukaan Kuala Lumpur yang menjadi nadi pembangunan negara pada asalnya adalah sebuah kawasan wetland.

"Begitu juga dengan pengenalan sistem penanaman padi sawah di Semenanjung terutama di negeri utara seperti Perlis dan Kelantan menjadi punca utama wetland ditebus guna untuk kawasan pertanian.

"Banyak kawasan bekas hutan paya di kawasan pantai di utara ditukar bagi penanaman padi terutama sekitar 1970-an ketika kemajuan pertanian giat

dijalankan. Kini, hanya sedikit kawasan paya air tawar dan hutan paya gambut yang didapati di negeri di utara.

"Sungguh pun begitu, kita tidak boleh menolak pertanian kerana ia adalah sumber makanan. Bagaimanapun fungsi penting wetland tidak boleh diketepikan. Sebab itulah kita perlu mengimbangi pembangunan," katanya.

Selain kemajuan pertanian, banyak kawasan tanah lembap terhapus kerana kegiatan pengeringan. Ini ditambah dengan projek pembangunan dari semasa ke semasa termasuk kemudahan infrastruktur seperti jalan raya, lebuh raya, kawasan bandar dan industri.

Seterusnya lebih banyak lagi tanah lembap terhapus atau hilang akibat pembalakan tidak terkawal, pencemaran, perubahan hidrologi dan pemendapan. Punca lain kehilangan tanah lembap ialah kemasukan garam atau penyerapan air laut ke kawasan pantai.

Shahoran berkata, menerusi pembangunan ia boleh rosak jika kawasan berpayau atau bertasik ditimbun bagi tujuan itu.

"Mungkin ramai takut sekiranya dikatakan wetland ini akan memusnahkan sebahagian ekosistem alam semula jadi. Bagaimanapun ia tidak bererti pembangunan tidak perlu.

"Pembangunan perlu, malah tidak dapat dielakkan disebabkan bilangan manusia di dunia ini semakin bertambah. Justeru, pengawalan serta cara yang betul seperti pengurusan wetland Putrajaya, mampu mengimbangi pembangunan yang diperlukan rakyat negara ini," katanya.

Sementara itu mengikut laporan Kementerian Pertanian beberapa tahun lalu, dalam jangka masa antara 1966 hingga 1974 saja, dianggarkan 99,665 hektar tanah paya yang digunakan terutama untuk pertanian.

"Skim penanaman padi moden yang meluas juga adalah ancaman serius terhadap persekitaran dalam bentuk pencemaran agrokimia," katanya.

Tanpa disedari pelbagai jabatan kerajaan atau pihak berkuasa berperanan masing-masing dengan pendekatan berbeza dalam pengurusan dan penggunaan tanah lembap.

Setiap jabatan atau pihak berkuasa ini menangani aspek atau fungsi tanah lembap tertentu.

Contohnya Jabatan perikanan berkait dengan perikanan, Jabatan Pengairan dan Saliran berkait dengan penyelenggaraan saluran pertanian dan kawalan banjir..

Ada jabatan atau pihak berkuasa berasingan untuk menangani bekalan air, rekreasi, pembuangan najis dan juga khidmat awam lain. Walaupun fungsi tanah lembap bersifat menyeluruh, tiada badan berkuasa bertanggungjawab dalam perlindungan, pengurusan dan pemuliharaan tanah lembap. Akhirnya banyak fungsi berguna tanah lembap akan terhapus berikutan pengurangan nilai akibat pengurusan kurang baik dan teratur.

Projek pembangunan kecil yang pelbagai boleh memberikan pilihan kepada pembangunan besar-besaran di kawasan tertentu dan dapat mengekalkan kegunaan tanah lembap bagi masyarakat tempatan.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding baru-baru ini selepas menyaksikan perjanjian persefahaman (MoU) antara Pusat Remote Sensing Negara (Macres) dengan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) berkata, dengan siapnya Stesen Bumi Pengesanan Jarak Jauh pertama di Temerloh, Pahang hujung tahun depan akan dapat mengesan dan melaporkan kegiatan negatif kawasan dilindungi.

"Kegiatan negatif seperti pencerobohan hutan simpan dan kawasan tadahan air, pembangunan di kawasan bukit, kawasan lumpur, kawasan paya dan sebagainya.

"Maklumat yang diperoleh boleh dipanjangkan kepada kerajaan negeri atau pihak berkuasa berkaitan untuk tindakan sewajarnya," katanya.

Malah kerjasama itu juga memperluaskan aplikasi teknologi remote sensing dan sistem maklumat geografi (GIS) secara menyeluruh, bukan saja terhad

kepada pemetaan inventori perhutanan, malah diperluas bagi merangkumi aplikasi spesifik serta pemantauan perubahan, pemulihan dan perladangan hutan yang lebih berkesan dan selari dengan kemajuan pembangunan negara yang pesat.

Justeru, jelas pelbagai pihak memainkan peranan masing-masing. Namun, yang menjadi persoalan, mungkin ramai tidak menyedari kepentingan wetland atau menganggap penanaman pertanian sudah cukup 'menyeimbangi alam sekitar'.

Ini kerana masalah penebusan tanah lembap timbul pada peringkat awal membangunkan sesuatu projek sehinggalah ke proses pelaksanaan.

Mengetepikan sebarang cadangan kajian pelaksanaan dan penilaian kesan alam sekitar akan menimbulkan masalah yang mungkin sukar dan membabitkan kos tinggi untuk diselesaikan apabila projek berjalan.

Malah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika pembukaan Wetland Putrajaya sedikit masa lalu menyeru pelbagai pihak yang ingin membangunkan sesuatu kawasan, meniru pengurusan Wetland Putrajaya yang disifatkan 'seimbang' antara pembangunan serta pengurusan alam sekitar.

Justeru, semua kementerian perlu memastikan setiap projek itu seimbang dari segi pengurusan alam sekitar kerana pembangunan tidak bererti memusnahkan wetland yang berperanan menyeimbangi suhu sekitar dan bekalan air.

Salah anggap mengenai wetland perlu diperbetulkan kerana peranannya cukup besar kepada hidupan.